

NO SOALAN :39**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
(ROMPIN)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 07.03.2018

Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan isu hutang isi rumah yang semakin meningkat dan apakah langkah-langkah yang dapat dilakukan bagi mengurangkan jumlah tersebut.

JAWAPAN

1. Jumlah hutang isi rumah sebagai nisbah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) semakin berkurang kepada 84.3% pada Disember 2017, daripada 88.3% pada tahun 2016 (2015: 89%). Pengurangan ini disebabkan terutamanya oleh kadar pertumbuhan tahunan hutang isi rumah yang terus menyederhana iaitu 4.9% pada 2017 berbanding 5.4% bagi tahun 2016 dan 14.2% bagi tahun 2010.

2. Momentum pertumbuhan hutang isi rumah yang lebih sederhana ini adalah hasil daripada beberapa langkah secara berperingkat yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010 oleh pihak Kerajaan. Langkah ini bertujuan untuk memupuk amalan kredit yang bertanggungjawab oleh individu dan institusi kewangan, dan mengelak isi rumah daripada berhutang secara berlebihan.

3. Bagi mempertingkatkan kesedaran dan kemahiran pengurusan kewangan dan penyusunan semula hutang dalam kalangan masyarakat, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah melaksanakan program-program yang meliputi pelbagai lapisan umur. Sehingga Disember 2017, seramai 205,000 pengguna telah menyertai program Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) dan 201,000 peminjam telah menyertai Program Pengurusan Hutang yang dikendalikan oleh AKPK. Selain daripada itu, Kerajaan sedang menggubal Akta Kredit Pengguna (AKP) yang akan memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan aktiviti kredit pengguna di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Risiko yang boleh menjejaskan kadar kestabilan kewangan

domestik berpunca daripada hutang isi rumah adalah terhadap memandangkan kualiti keseluruhan pinjaman kepada isi rumah adalah mampan. Nisbah pinjaman terjejas dan delinkuen dalam sistem perbankan dan institusi kewangan bukan bank kekal rendah, iaitu sebanyak 1.6% dan 1.4%.

5. Potensi kerugian kepada sistem perbankan berdasarkan *worst case scenario*, walaupun mustahil untuk berlaku, dianggarkan sebanyak RM59.9 bilion. Daripada jumlah ini, potensi kerugian yang berpunca daripada kumpulan isi rumah yang mudah terjejas (peminjam yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan) dianggarkan sebanyak RM10.7 bilion sahaja, kurang daripada penampan modal lebih bank (mengatasi paras minimum pengawalseliaan) sebanyak 134.8 bilion pada akhir 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kerajaan akan terus memantau tahap hutang isi rumah dan meneruskan langkah-langkah yang sedia ada bagi memastikan sektor isi rumah kekal mampan dan berdaya tahan.